



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

SEBUT HARGA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN KEPERLUAN LATIHAN BAGI KURSUS SISTEM SOLAR FOTOVOLTAN (PV) TERSAMBUNG GRID UNTUK PENJAGA JENTERA ELEKTRIK DAN PENDAWAI

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
300/2021/03	221110	10/6/2021 Hingga 14/6/2021 ISNIN - JUMAAT 9.00 PAGI - 3.00 PETANG	PERCUMA	21/06/2021 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan memdapatkan dokumen.

i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa mendapatkan dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (9.00 pagi - 3.00 petang) di alamat atau email seperti di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini.

4. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk memohon dokumen ini. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan mendapatkan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

5. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

6. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di pejabat atau melalui email seperti dibawah :

Pengarah
Bahagian Kemahiran Dan Teknikal
Tingkat 21, Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur.
Faks : 03-26911310
Emel : saishahb@mara.gov.my

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.tvetmara.edu.my>